



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 9/2023
28 OGOS 2023 (11 SAFAR 1445H)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Mesyuarat Majlis yang kelapan pada tahun ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi memastikan setiap perancangan dan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru itu, saya sangat berharap agar kerjasama ini sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi.
2. Untuk makluman semua, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat

kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang perlu dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Ia juga selari dan selaras dengan hasrat YAB Dato' Menteri Besar dalam menyebarkan dasar Kerajaan Negeri supaya ianya sampai dan difahami setiap lapisan masyarakat. Ianya amat penting bagi memastikan kerja kita bukan sahaja kemas di peringkat dasar, tetapi efektif dari segi penyampaian dan pelaksanaan.

Semangat kerja berpasukan mestilah berada di tahap tertinggi dalam memastikan setiap kerja yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan baik dan penuh integriti. Kerja berpasukan dan saling bantu membantu ini sangat penting dan perlu dilaksanakan di semua peringkat agar kita semua bersama-sama berganding bahu dalam menghadapi apa jua keadaan selain mengekalkan kesetiaan dan perpaduan di dalam masyarakat, saling memahami dan rasa bangga untuk menjadi rakyat di bumi Selangor Darul Ehsan.

Di kesempatan ini Majlis ingin menzahirkan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari atas pelantikan sebagai Menteri Besar Selangor. Saya mendoakan agar YAB Dato' Seri dan barisan kepimpinan EXCO beliau sentiasa dipayungi rahmat Allah SWT dan kekuatan untuk menerajui dan mentadbir Negeri Selangor Darul Ehsan ini ke arah lebih positif dan kondusif terhadap pembangunan dan kemakmuran negeri serta meneruskan legasi dan momentum

kecemerlangan Selangor ke persada yang lebih tinggi. Majlis juga merakamkan tahniah atas kejayaan keputusan pilihan raya negeri yang lalu yang memberi mandat sekali lagi kepada YAB Dato' Seri untuk mentadbir Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Majlis memandang serius jenayah siber dan 'scammer' yang menjadi trend jenayah pada masa kini. Antara kes-kes jenayah dilaporkan adalah seperti *Macau Scam*, *Love Scam*, Jenayah e-*Financial*, Jenayah e-Dagang, Pinjaman Tidak Wujud, Pelaburan Bersindiket dan Tipu Kerja Sambilan.

Untuk makluman bersama, statistik jenayah komersil dari PDRM, di Petaling Jaya pada bulan Januari hingga Jun 2023 menunjukkan Kertas Siasatan dibuka sebanyak 489 kes, Tuduh sebanyak 147 kes manakala Tangkapan sebanyak 271 kes. Jumlah kerugian jenayah siber ini pula direkodkan sebanyak RM 13 juta. Jumlah kerugian jenayah *scammer* pula sebanyak RM 14 juta dan jumlah keseluruhan penipuan dan jenayah siber adalah sebanyak RM 54 juta. Jumlah angka dan amaun ini jika dilihat sangat besar nilainya dan lebih parah, jumlah angka ini hanya berlaku di Petaling Jaya sahaja dan belum di campur dan dikira di daerah-dearah lain di negeri ini.

Perkara ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bandar Selamat Bil. 2/2023 pada 5 Julai 2023. Selaras dengan '*Petaling Jaya Smart, Sustainable, Resilient 2030*' (PJSSR 2030), untuk mewujudkan sebuah bandar raya yang Selamat, Pintar dan Berdayatahan, MBPJ akan memainkan peranan yang lebih jitu dan utuh untuk bersama-sama membantu pihak PDRM

dan SKMM dalam memberikan kesedaran kepada semua warga Petaling Jaya khususnya mengenai langkah-langkah yang boleh dielak dari menjadi mangsa jenayah siber dan *scammer* ini.

Berdasarkan situasi ini, Majlis telah mengadakan Program Keselamatan Komuniti di Flora Damansara yang telah diadakan pada 6 Ogos 2023 yang lalu yang melibatkan sesi taklimat daripada IPD Petaling Jaya untuk memberi kesedaran dan pencegahan jenayah siber dan *scammer*.

Majlis juga bercadang untuk menganjurkan sesi *town hall* dan kempen kesedaran berkenaan pencegahan jenayah siber dan *scammer* kepada penduduk Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui Jabatan Perbendaharaan, Unit Hasil Letak Kereta telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan segala aktiviti kutipan letak kereta di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Untuk makluman semua, sejumlah 37,205 petak telah diwartakan dan dizonkan sebagai tempat letak berbayar terbuka (*on-street*) di Petaling Jaya. Dalam pada masa yang sama, terdapat sejumlah 495 petak yang telah dilaksanakan sebagai petak letak kereta 2 jam iaitu di kawasan Seksyen 52, Seksyen 14 dan SS21 Damansara Utama.

Pelaksanaan tempat letak kereta 2 jam di Petaling Jaya telah dilancarkan pada 22 Mac 2023 di Seksyen 52 dan dikuatkuasakan pada 1 April 2023. Manakala untuk fasa kedua adalah di Seksyen

14 dan SS21, Damansara Utama yang telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2023. Kriteria pemilihan kawasan tempat letak kereta 2 jam ini adalah berdasarkan kepada Pusat Bandar yang menjadi tumpuan utama aktiviti komersial, perbankan, perniagaan dan makanan serta ianya mempunyai kadar penggunaan tempat letak kereta yang tinggi sebagai alternatif bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta dan kesesakan lalulintas di kawasan tersebut.

Selain mengawal selia tempat letak kereta terbuka, Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga menyediakan petak letak kereta tertutup (*off-street*) sebanyak 17 tempat letak kereta di sekitar Petaling Jaya untuk kemudahan orang awam meletakkan kenderaan.

Seiring dengan matlamat dan hala tuju Pelan Strategik 'Petaling Jaya Smart, Sustainable, Resilient 2030', Majlis dengan kerjasama *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU) telah melaksanakan pembayaran letak kereta secara di atas talian sepenuhnya mulai 1 April 2022 dan ianya telah memberikan impak yang positif di dalam mengekalkan kelestarian serta pamacu kepada penggunaan teknologi terkini bagi memudahkan pengguna atau orang awam membuat bayaran secara atas talian.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ingin mengingatkan kepada semua pemilik harta di Petaling Jaya untuk membuat pembayaran cukai taksiran pada atau sebelum 31 Ogos 2023 (Khamis) bagi mengelakkan sebarang bayaran tambahan atau denda dikenakan.

Untuk makluman, MBPJ telah telah memproses dan mengemaskini bil Cukai Taksiran bagi setengah tahun kedua (Julai – Dis 2023) untuk 277,375 pemegang harta yang melibatkan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM176.966 juta. Setiap pemunya harta boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil melalui <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesalinanbil> dan membuat bayaran melalui atas talian menggunakan laman ePay@MBPJ atau aplikasi eCukai@MBPJ.

Majlis turut menggalakkan pemilik harta membuat pembayaran secara atas talian dan sebarang pertanyaan boleh disalurkan kepada aduan@mbpj.gov.my. Bagi memudahkan pemunya harta menjelaskan bayaran, MBPJ telah menyediakan beberapa kaedah pembayaran yang boleh dilakukan secara tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad debit / kad kredit.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau kunjungi laman sosial Majlis *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* atau menghubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03-7956 3544 samb. 102/103/108/109.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Di samping itu, bagi memudahkan orang ramai membuat bayaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membuka kaunter bergerak EZPay sepanjang bulan Ogos 2023 sempena musim bayaran cukai taksiran penggal ke-2 tahun 2023 yang akan berakhir pada 31 Ogos 2023. Inisiatif ini merupakan usaha Majlis untuk mengurangkan kesesakan di Kaunter Ibu Pejabat terutamanya

pada waktu puncak.

Selain itu, inisiatif ini juga merupakan antara kemudahan pembayaran di lokasi-lokasi luar pejabat MBPJ yang disediakan untuk orang awam berurusan tanpa perlu hadir ke Ibu Pejabat

MBPJ.

Antara kawasan-kawasan yang terlibat sepanjang bulan Ogos ini adalah :

- i. Jalan Dagang SD 2/1G (Berhadapan kedai tayar *STH Auto Services Centre*)
- ii. Jalan PJU 10/3A (Berhadapan *McDonald's* Damansara Damai)
- iii. Jalan 14/17 (Berhadapan *Digital Mall*)
- iv. Jalan SS 6/3 (Simpang berhadapan KFC)
- v. Jalan Cempaka SD 12/1 (Berhadapan *McDonald's* Sri Damansara)

Semua pemilik harta di Petaling Jaya boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil melalui <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesimalinanbil> dan membuat bayaran melalui kaunter yang disediakan atau melalui atas talian menggunakan laman ePay@MBPJ atau aplikasi eCukai@MBPJ.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Sebagai satu komitmen merealisasikan pembudayaan OSHE, Majlis sekali lagi menyertai Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan anjuran *Malaysian Society for Occupational Safety and Health*. Penyertaan ini adalah bagi mengukur tahap pengamatan

dan amalan baik pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan warga kerja Majlis dan kontraktor Majlis.

Penglibatan ini secara tidak langsung akan meningkatkan mutu penyampaian Majlis kepada pemegang taruh dengan menitikberatkan input keselamatan kepada semua. Untuk makluman hadirin mesyuarat, sepanjang tahun 2023 bermula Januari sehingga Ogos tiada kemalangan dilaporkan berlaku yang melibatkan warga kerja Majlis. Sehubungan itu, waktu jam kerja selamat yang dicatatkan adalah 1,864,768 jam.

Untuk membudayakan OSHE, ianya juga haruslah disebarakan kepada masyarakat agar bandar raya Petaling Jaya mempunyai komuniti yang seiring dengan menjadikan bandar raya ini sebuah bandar yang selamat. Suka saya nyatakan, projek sekolah angkat OSHE iaitu Sekolah Kebangsaan Taman Medan telah berjaya melalui fasa pengauditan peringkat pertama daripada badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi ISO 45001, Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan jayanya.

Penglibatan sekolah ini secara tidak langsung akan menjadi contoh kepada sekolah-sekolah dalam Petaling Jaya untuk mewujudkan sebuah tempat pembelajaran yang selamat terutamanya kepada anak-anak warga Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

8. Untuk makluman dan tindakan kita semua, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 33/2023 adalah sebanyak 109 kes, menjadikan Jumlah Kumulatif sebanyak 3,470 kes yang dilaporkan dan menunjukkan peratusan menurun sebanyak 2 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 111 kes. Jumlah Lokaliti Wabak pula sejumlah 62 lokaliti yang dilaporkan. 4 lokaliti wabak baru, 46 lokaliti wabak terkawal, 4 lokaliti wabak tidak terkawal dan 8 lokaliti hotspot telah dilaporkan. Untuk pengetahuan semua, tiada Kes Kematian baru yang dilaporkan. Berdasarkan situasi semasa ini, saya menyeru kepada semua untuk bersama-sama berganding bahu dalam menangani kes denggi ini dan bagi pemimpin masyarakat, mohon diadakan program gotong-royong secara kerap agar kes denggi ini terus menerus menunjukkan peratus menurun di samping membersihkan kawasan sekitar di tempat masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

9. Untuk makluman semua, pada hari Sabtu, 26 Ogos 2023 yang lalu, Majlis telah mengadakan Program Operasi Menembak Gagak 2023. Program yang diadakan ini adalah seiring dan selaras dengan hasrat Majlis dalam menyediakan sebuah bandar raya yang selamat dihuni dan menyediakan suasana yang kondusif, harmoni serta selesa kepada penduduknya. Antara objektif operasi ini adalah :
 - a) Mengurangkan populasi gagak di kawasan Majlis terutama di kawasan hotspot/tumpuan
 - b) Mengurangkan aduan awam dan risiko kesihatan berkaitan

aduan kacau ganggu burung gagak

- c) Mengelakkan berlakunya kekotoran di kawasan perumahan, perniagaan dan harta benda.
- d) Mengelakkan berlakunya kerosakan infrastruktur.

Sebanyak 19 lokasi hotspot burung gagak telah dikenalpasti bagi operasi ini dan para penembak hanya dibenarkan melakukan operasi tembakan di kawasan yang telah diluluskan sahaja. Dalam mengawal populasi dan kacau ganggu gagak, Majlis turut melakukan kawalan dengan kaedah memusnahkan sarang gagak dengan kekerapan dua kali sebulan dan kaedah memasang perangkap gagak.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

10. Masyarakat dalam sesebuah negeri dan negara, sememangnya mengharapkan suasana aman, damai, harmoni, selamat, sejahtera dan maju dalam menjalani aspek kehidupan. Namun, kehidupan yang sejahtera dan harmoni tidak mungkin tercapai tanpa pengorbanan dan usaha gigih ke arah mewujudkan dan mengekalkan suasana tersebut sehinggalah berterusan hingga ke generasi akan datang.

Kesejahteraan negara tidak akan tercapai sepenuhnya jika aspek kesatuan tidak dijaga dan dimantapkan dengan baik. Usaha untuk memupuk kesatuan ummah dan pembentukan masyarakat majmuk boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti menghayati dan menekuni Rukun Negara dengan baik, menghayati konsep kepimpinan yang diamanahkan untuk mentadbir dan mengurus

mengikuti peraturan yang ditetapkan. Ia juga dapat dimantapkan lagi apabila pemimpin dan masyarakat berperanan dalam mengamalkan dan mewujudkan keadilan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Dalam konteks sebuah negara berdaulat yang memiliki komuniti majmuk dan berlatarbelakangkan pelbagai kaum, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan adalah punca kuasa dan rujukan utama dalam usaha menjamin kesejahteraan dalam kehidupan.

Pendekatan yang jitu digunakan sebagai saluran dalam pentadbiran negara telah berjaya menghasilkan suasana perpaduan, saling menghormati dan bertoleransi dalam kehidupan bermasyarakat. Natiyahnya, kesejahteraan hidup terpelihara, semangat patriotisme rakyat meningkat serta imej keselamatan dan keamanan negara dapat diperkasakan.

Generasi muda di negara ini perlu dibentuk dan dididik dengan pelbagai ilmu dan kemahiran serta berkepakaran tinggi agar mereka dapat menjadikan negara Malaysia sebuah negara maju setanding dengan negara-negara maju di dunia ini. Kepelbagaian bangsa, sosial, agama dan adat resam merupakan suatu keunikan dan hikmah terbesar kepada manusia. Kepelbagaian ini membolehkan manusia mempelajari dan mengenali antara satu sama lain serta mengambil manfaat daripadanya.

Penetapan **Malaysia Madani : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan** sebagai tema bagi sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini adalah bagi menunjukkan bahawa betapa pentingnya rakyat Malaysia untuk saling memahami dan hormat menghormati serta bersatu padu untuk menentukan masa depan Negara agar

lebih gemilang, stabil, harmoni, integriti dan aman damai.

Justeru, marilah kita bersama-sama membina bangsa dan negara kita dengan penuh perasaan kasih sayang, hormat-menghormati dan menjunjung tatasusila serta adab yang luhur sesuai dengan adab ketimuran yang penuh dengan kesantunannya. Buang yang keruh, ambil yang jernih dan tekad untuk menapak maju ke hadapan dalam membina negara yang disifatkan ***Baldatun Toyyibatun wa Rabbun Ghafur*** (negeri yang baik dan Tuhan Yang Maha Pengampun).

Sekian, terima kasih.